



**TOKIO MARINE**  
INSURANCE GROUP

Fact Sheet

# Semua Risiko Pembinaan

Semua Risiko Pembinaan (EAR) adalah polisi yang direka cipta untuk memenuhi kewajiban insurans yang dikenakan kepada Kontraktor di bawah syarat-syarat kontrak. Polisi ini melindungi kerja-kerja yang akan dilaksanakan berdasarkan kontrak, kerja-kerja sementara, material-material, loji pembinaan dan peralatan yang digunakan di tapak dan liabiliti timbul dari prestasi kontrak. Secara amnya, Insurans EAR bertujuan untuk melindungi pendirian loji dan jentera, perlingkungannya biasa diperluaskan melebihi pendirian untuk merangkumi kerja-kerja menguji dan menjadikannya berfungsi.

## Perlindungan

### Seksyen 1 - Kerosakan Material

Seksyen ini melindungi hampir semua kerugian atau kerosakan fizikal terjadi secara mengejut dan tidak diduga berkaitan dengan semua risiko yang melibatkan kerja pendirian dan pemasangan jentera, loji dan semua jenis struktur keluli dalam tempoh insurans.

la memberi perlindungan berasingan ke atas:

- a) Kerja pembinaan - termasuk kerja kekal dan sementara
- b) Loji pembinaan dan peralatan - merangkumi kemudahan tempat tinggal pekerja, gudang simpanan, tapak penyediaan dan pencampuran, alatan tetangga, ulititi (bekalan elektrik, air)
- c) Jentera Pembinaan - semua loji dan jentera yang memberikan perkhidmatan hanya ketika ia sedang bergerak dan di bawah kawalan seorang pengendali. Ia termasuk peralatan mengorek tanah, kren dan seumpamanya dan juga kenderaan di tapak pembinaan yang tidak dilesenkan untuk kegunaan di jalan-jalan awam, tidak kira sama ada jentera sedemikian dimiliki atau disewa oleh kontraktor.
- d) Harta benda prinsipal sedia ada / di sekeliling - harta benda yang terletak di tapak pembinaan dan juga harta benda di sekeliling tapak yang kepunyaan atau di bawah penjagaan, pemeliharaan atau kawalan orang yang dinamakan dalam polisi ini sebagai pihak diinsuranskan.
- e) Pembersihan sisa-sisa buangan - kos yang ditanggung untuk pembersihan sisa-sisa buangan dari tapak pembinaan jika berlakunya kerugian boleh diindemniti di bawah polisi ini.
- f) Bayaran profesional - perbelanjaan yang ditanggung untuk mengambil penasihat bagi kerja perundingan berikutan dari kerugian boleh diindemniti di bawah polisi ini.

### Asas Jumlah Diinsuranskan

Kerja Pembinaan - nilai penuh pada penyiapan kerja pembinaan termasuk kos pengangkutan, bayaran dan duti kastam serta kos pendirian.

Loji pembinaan & peralatan / jentera pembinaan - nilai penggantian bagi pembinaan, loji dan peralatan, yang mana bermakna kos menggantikan item diinsuranskan dengan item baru yang sama jenis dan sama kapasiti.

Pembersihan sisa-sisa buangan / Bayaran profesional - biasanya xx% daripada nilai kontrak seperti ditetapkan dalam kontrak

Liabiliti Pihak Ketiga (Di bawah Seksyen II) - untuk dipilih oleh anda dan biasanya ditetapkan dalam kontrak.

### Seksyen II - Liabiliti Pihak Ketiga

Seksyen II dalam polisi ini adalah berkaitan dengan liabiliti pihak ketiga yang menjadi liabiliti undang-undang anda untuk membayar ke atas kerosakan berlaku akibat:

- (i) Kecederaan anggota akibat kemalangan atau penyakit kepada pihak ketiga
- (ii) Kerugian atau kerosakan akibat kemalangan kepada harta benda kepunyaan pihak ketiga

yang berlaku secara langsung berkaitan dengan kerja-kerja dan kejadian di atas atau berhampiran tapak pembinaan yang berlaku sepanjang tempoh perlindungan. Indemniti juga diperuntukkan bagi kos perundingan dan perbelanjaan dengan syarat liabiliti tersebut adalah di dalam lingkungan had liabiliti yang diinsuranskan.

### **Pengecualian polisi:**

Anda tidak akan diindemniti berhubung dengan kerugian, kerosakan atau liabiliti langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada atau timbul akibat atau disebabkan oleh:

- Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, rusuhan, mogok, halangan masuk, pergaduhan awam, ketenteraan atau perampasan kuasa, sekumpulan orang yang berniat jahat atau orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi politik, komplotan, penyitaan, pemilikan negara, permintaan rasmi atau pemusnahan atau kerosakan di bawah perintah mana-mana kerajaan menurut undang-undang atau secara de facto atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam;
- Tindakbalas nuklear, pencemaran akibat radiasi nuklear atau radioaktif;
- Tindakan atau kecuaiian yang disengajakan oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil-wakilnya;
- Penghentian kerja sama ada menyeluruh atau separa;
- Kerugian turutan akibat mana-mana deskripsi apa-apa saja termasuk penalti, kerugian akibat kelewatan, prestasi kerja yang kurang baik, kehilangan kontrak;
- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kesilapan reka bentuk, kecacatan material atau pengacuanan, kualiti kerja yang buruk yang selain daripada kesilapan pendirian;
- Kehausan dan kelusuhan, kakisan, pengoksidaan, pembentukan kulit keras
- Kerugian atau kerosakan terhadap fail, lukisan, akaun, bil, matawang, setem, perjanjian yang ditandatangani, bukti hutang, wang kertas, sekuriti, cek;
- Kerugian atau kerosakan yang dijumpai hanya pada masa inventori diambil
- Liabiliti berikutan dari:
  - a) Kecederaan anggota atau penyakit kepada kakitangan atau pekerja bagi Kontraktor atau Prinsipal atau mana-mana firma lain yang berkaitan dengan projek tersebut atau sebahagian daripadanya yang diinsuranskan di bawah Seksyen I, atau ahli keluarga mereka;
  - b) Kerugian atau kerosakan terhadap harta benda kepunyaan atau dibawah penjagaan, pemeliharaan atau kawalan Kontraktor, Prinsipal atau mana-mana firma lain berkaitan dengan projek tersebut atau sebahagian daripadanya yang diinsuranskan di bawah Seksyen I, atau seseorang kakitangan atau pekerja bagi mana-mana pihak yang tersebut di atas;
  - c) Mana-mana kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan dilesenkan untuk kegunaan di jalan-jalan umum atau oleh kapal perairan atau pesawat udara;
  - d) Mana-mana perjanjian oleh anda untuk membayar mana-mana jumlah sebagai indemniti atau sebaliknya melainkan liabiliti sedemikian telah dilampirkan walaupun tanpa perjanjian sedemikian.

### **Asas Penyelesaian kerugian**

Jika berlakunya mana-mana kerugian atau kerosakan, asas bagi mana-mana penyelesaian di bawah polisi ini adalah:

- a) Untuk kes kerosakan boleh dibaiki - kos pembaikan yang perlu untuk mengembalikan item-item kepada keadaan asal mereka dengan serta merta sebagaimana sebelum berlakunya kerosakan menolak salvaj, atau
- b) Untuk kes kerosakan menyeluruh - nilai sebenar bagi item-item seperti sebelum berlakunya kerugian menolak salvaj

### **Bayaran Premium**

- Premium mesti dibayar kepada pengantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama syarikat kami).
- Sila minta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

### **Kewajiban pendedahan**

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

### **Sumbangan**

Jika pada masa mana-mana kerugian atau kerosakan terhadap harta berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda atau ahli keluarga anda yang memberi perlindungan sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

## Lebih / Deduktibel

Merupakan amaun kerugian yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

## APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN jika berlakunya kerugian/kerosakan?

### Pemberitahuan tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

### Pengemukakan tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

### Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

## BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



### Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Biro Pengantaraan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com.my](http://www.tokiomarine.com.my)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.